

Headline	PIL MERAH AJAIB		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 May 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	26	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	333 cm ²
Journalist	MOHD JAMILUL ANBIA MD DENIN	AdValue	RM 13,068
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,204



Mohd Jamilul Anbia Md Denin
dan Fardy Bunga
am@hmetro.com.my

PIL MERAH 'AJAIB'

■ Peniaga produk rangsangan seks dakwa ada penawar HIV, Aids

Kuala Lumpur

“Abang jangan was-was! Ini penemuan terbaru saintis dunia. Penyakit Aids dan virus HIV sudah ada penawar!” itu hujah temberang seorang peniaga produk rangsangan seks kaki lima yang ditemui di Chow Kit, di sini, semalam.

Lelaki berusia lewat 40-an itu lantas menghulurkan botol kecil dengan label pekat berwarna jingga kepada wartawan yang menyamar sebagai pengunjung kawasan suram itu.

Wartawan kemudian membelek botol kecil mengandungi tiga butir pil ‘ajaib’ berwarna merah di dalamnya.

Bagaimanapun, sukar untuk mengetahui kandungan

dan maklumat berkaitan pil itu berikutan label pada botol ditulis menggunakan bahasa Thai.

“Abang boleh cuba dulu! Pil ini boleh sembuhkan semua jenis sakit kelamin.

Bukan hanya HIV atau Aids saja, malah sakit sifilis dan sakit epididimitis boleh sembuh jika makan pil ini.

“Ubat ini import dari Thailand...sebab itu harganya masih murah. Kalau ubat Aids atau HIV dari Amerika, harganya cecah ribuan ringgit,” ujar lelaki itu penuh yakin.

Ditanya berapakah harga ‘ubat’ berkenaan, lelaki itu segera menjawab bahawa pil ‘istimewa’ berkenaan dijual pada harga RM50 sebotol.



PIL yang didakwa boleh merawat Aids dan mencegah jangkitan HIV.

“Memang mahal, tapi banyak faedahnya. Ramai tak tahu khasiat pil ini lagi. Kalau beli di klinik boleh ‘kopak’ poket. Harga saya tawar lebih murah.

“Tapi kalau abang ambil

sekali dengan pil rangsangan seks, saya bagi diskaun,” kata lelaki terbabit.

Wartawan berpura-pura meminta potongan harga untuk membeli pil itu bagaimanapun tidak mendapat

reaksi positif.

“Susah nak dapat pil ini sekarang. Stok tak banyak. Tak boleh bagi diskaun. Ini pun dah kira murah dik.

“Orang nak mati pun boleh kasi hidup semula kalau

makan pil ini. Adik tahukan sakit HIV boleh bawa maut,” katanya.

Sementara itu, tinjauan wartawan di sekitar kawasan itu sehingga Jalan Raja Laut mendapati kumpulan peniaga ubat-ubatan kaki lima itu kian bertambah menjelang tengah malam.

Malah, ada antara mereka turut menawarkan pil sama yang didakwa mampu menyembuhkan pelbagai penyakit kelamin serta Aids dan HIV.

Mereka dikesan menggunakan meja kecil, kotak kayu serta lampu mata arah untuk menarik perhatian pelanggan singgah ke ‘gerai’ masing-masing.

Kebanyakan peniaga haram ini dikesan menjual puluhan jenis pil dan cecair perangsang seks haram selain alat mainan seks dipercayai diseludup dari China.